

## **Harga Saham SapuraKencana Naik Setelah Dapat Kontrak Baharu Dan Lanjutan Kontrak Bernama**

**2 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Saham SapuraKencana Petroleum Bhd di Bursa Malaysia naik dalam dagangan awal hari ini selepas syarikat itu menerima satu kontrak baharu dan tiga kontrak lanjutan penggerudian bernilai RM1.45 bilion baru-baru ini.

Pada 11.34 pagi Rabu, 5.29 juta saham bertukar tangan, dengan harga meningkat sembilan sen untuk berakhir RM4.65 selepas dibuka RM4.57.

Anak syarikat SapuraKencana Petroleum, SapuraKencana Drilling SB, pula telah menerima lanjutan kontraknya dengan Brunei Shell Petroleum Co SB untuk menyediakan sebuah pelantar penggerudian luar pantai dan perkhidmatan bersama separuh tender SKD Pelaut, sebuah pelantar penggerudian bantuan.

RHB Research berkata kejayaan SapuraKencana memperoleh kontrak itu menunjukkan pelantar penggerudian kumpulan itu mampu membawa hasil.

"Bagaimanapun, kami amat berhati-hati dengan pelantar yang lebih 30 tahun. Kami yakin pelantar-pelantar ini perlu dibuang atau akhirnya dihentikan penggunaannya selepas kontrak penggunaannya tamat," katanya dalam satu nota penyelidikan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1027117>